

CIMB BANK BERHAD'S ("THE BANK") TERMS AND CONDITIONS ("TERMS") OF CASH PLUS PERSONAL LOAN ("FACILITY")
TERMA DAN SYARAT ("TERMA") PINJAMAN PERIBADI 'CASH PLUS' ("KEMUDAHAN") CIMB BANK BERHAD ("BANK")

The person applying for the Facility ("Applicant") agrees that these Terms are binding on the Applicant and will govern the Facility granted by the Bank to the Applicant. Any difference between the Facility amount, interest rate, monthly instalment or tenure applied for and the amount, interest rate, monthly instalment or tenure eventually approved by the Bank will not affect the validity of these Terms. Reference to "Facility" means the Facility disbursed by the Bank to the Applicant.

Orang yang memohon untuk Kemudahan ("Pemohon") bersetuju bahawa Terma-Terma ini hendaklah mengikat Pemohon dan akan mengawal Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon. Sebarang perbezaan antara jumlah Kemudahan, kadar faedah, ansuran bulanan atau tempoh yang dipohon dan jumlah, kadar faedah, ansuran bulanan atau tempoh yang akhirnya diluluskan oleh Bank tidak akan menjejaskan kesahan Terma-Terma ini. Rujukan kepada "Kemudahan" bermaksud Kemudahan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemohon.

Upon the approval of the Facility, the Bank will send a short message service ("SMS") to the Applicant's mobile number notifying the Applicant of the Facility amount, interest rate, monthly instalment and tenure approved by the Bank ("SMS Approval"). The Applicant acknowledges, accepts and agrees that notwithstanding any difference in the amount, interest rate, monthly instalment or tenure approved by the Bank from what was applied by the Applicant, the Applicant's utilisation of the whole or part of the Facility shall be taken as the Applicant's irrevocable agreement to accept the revised Facility amount, interest rate, monthly instalment and tenure upon these Terms.

Setelah Kemudahan diluluskan, pihak Bank akan menghantar SMS ke nombor telefon bimbit Pemohon untuk memberitahu Pemohon mengenai jumlah pinjaman, kadar faedah, ansuran bulanan dan tempoh Kemudahan yang diluluskan oleh pihak Bank ("Kelulusan SMS"). Pemohon mengakui, menerima dan bersetuju bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam jumlah pinjaman, kadar faedah, ansuran bulanan atau tempoh yang diluluskan oleh pihak Bank, penggunaan menyeluruh atau sebahagian daripada Kemudahan oleh Pemohon akan diambil sebagai perjanjian yang tidak dapat ditarik balik oleh Pemohon untuk menerima jumlah Kemudahan, kadar faedah, ansuran bulanan dan tempoh Kemudahan yang disepak semula berdasarkan Terma-Terma ini.

Applicant's Right to Cancel Facility (applicant who does not have any existing Cash Plus Personal Loan with the bank): The Applicant, prior to any utilisation of the Facility, may choose to cancel the Facility within thirty (30) days from the date of the SMS Approval by:

- (i) notifying the Bank at any of our branches or
- (ii) contacting the Bank at 03-6204 7788.

Hak Pemohon untuk Membatalkan Kemudahan (pelanggan yang tidak mempunyai mana-mana Pinjaman Peribadi Cash Plus sedia ada dengan Bank): Pemohon, sebelum penggunaan Kemudahan ini, dapat memilih untuk membatalkan Kemudahan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kelulusan SMS dengan:

- (i) memaklumkan kepada pihak Bank di mana-mana cawangan kami atau
- (ii) menghubungi pihak Bank di talian 03-6204 7788.

The cancellation of the Facility within thirty (30) days, as stated above, will not be subject to any fees and charges.

Pembatalan Kemudahan dalam tiga puluh (30) hari yang dinyatakan di atas tidak akan dikenakan sebarang bayaran dan caj.

The Facility must first be used to fully settle the Applicant's existing Cash Plus Personal Loan with the Bank and the Cash Plus Personal Financing-i with CIMB Islamic Bank Berhad [(200401032872 (671380-H))] ("CIMB Islamic") before the balance of the Facility (if any) is disbursed to the Applicant. The Applicant is required to provide to the Bank the Applicant's savings or current account with the Bank or CIMB Islamic or any other banks in Malaysia for disbursement of the Facility. The Facility will be disbursed into the Applicant's said account as nominated by the Applicant which is approved by the Bank ("Crediting Account"). The Applicant promises and warrants that the Crediting Account provided for the disbursement of the Facility is his/her own personal account and not a joint or third party's account. If no account has been nominated by the Applicant, the Applicant consents and authorizes the Bank to disburse the Facility into any of the Applicant's savings or current account with the Bank or CIMB Islamic.

Kemudahan ini hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk menyelesaikan sepenuhnya Pinjaman Peribadi 'Cash Plus' sedia ada Pemohon dengan Bank dan Pembiayaan Peribadi Cash Plus-i sedia ada Pemohon dengan CIMB Islamic Bank Berhad [(200401032872 (671380-H))] ("CIMB Islamic") sebelum baki Kemudahan (jika ada) dilepaskan kepada Pemohon. Pemohon dikehendaki mengemukakan akaun simpanan atau semasa

Pemohon dengan Bank atau CIMB Islamic atau bank-bank lain di Malaysia untuk pelepasan Kemudahan. Kemudahan ini akan dilepaskan ke dalam akaun Pemohon seperti yang dinamakan oleh Pemohon yang diluluskan oleh Bank ("Akaun Pengkreditan"). Pemohon berjanji dan menjamin bahawa Akaun Pengkreditan yang diberikan untuk pelepasan Kemudahan adalah akaun peribadi beliau sendiri dan bukan akaun bersama atau pihak ketiga. Sekiranya tiada akaun dinamakan oleh Pemohon, Bank boleh melepaskan Kemudahan ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank atau CIMB Islamic.

Prior to the disbursement of the Facility, the Bank may cancel and terminate the Facility even after the Facility is approved and/or the Applicant has accepted the Facility due to any of the following reasons:

Sebelum pengeluaran penuh Kemudahan, Bank boleh membatalkan dan menamatkan Kemudahan walaupun selepas Kemudahan diluluskan dan/atau Pemohon telah menerima Kemudahan tersebut disebabkan oleh mana-mana sebab berikut:

- (a) the Facility cannot be disbursed within fourteen (14) days from the date of the Applicant's acceptance of the Facility offer or such other period as the Bank may decide because the Applicant has given an incorrect Crediting Account number;
Kemudahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pemohon menerima Kemudahan itu atau sebarang tempoh lain yang ditentukan oleh Bank disebabkan Pemohon telah memberikan nombor Akaun Pengkreditan yang tidak betul;
- (b) information or data given by the Applicant is false, inaccurate and/or incomplete;
maklumat atau data yang diberikan oleh Pemohon adalah palsu, tidak tepat dan/atau tidak lengkap;
- (c) there are material changes to the Applicant's financial condition; *terdapat perubahan material kepada keadaan kewangan Pemohon;*
- (d) conduct of the Applicant's accounts held with the Bank or CIMB Islamic are suspicious or abnormal;
penjalaran akaun Pemohon yang dipegang dengan Bank atau CIMB Islamic Bank adalah mencurigakan atau tidak normal;
- (e) disruption caused by any system failure beyond the Bank's reasonable control;
gangguan yang disebabkan oleh apa-apa kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Bank;
- (f) an event or circumstance occurs which affects the Bank's decision in granting or proceeding with disbursement of the Facility; or *suatu peristiwa atau keadaan berlaku yang memberi kesan kepada keputusan Bank dalam memberikan atau meneruskan pengeluaran Kemudahan itu; atau*
- (g) any other reason not attributable to the Bank.
apa-apa sebab lain yang tidak dikaitkan dengan Bank.

The Applicant agrees that the Bank is not obliged to disclose the reason(s) or give prior notice to the Applicant, but the Bank will inform the Applicant of the cancellation accordingly.

Pemohon bersetuju bahawa Bank tidak diwajibkan untuk mendedahkan sebab atau memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon tetapi Bank akan memaklumkan kepada Pemohon mengenai pembatalan tersebut dengan sewajarnya.

1. TELEPHONE CONVERSATIONS/ELECTRONIC COMMUNICATIONS/TRANSMISSIONS AND DEFINITIONS / PERBUATAN TELEFON/KOMUNIKASI/TRANSMISI ELEKTRONIK DAN TAKRIFAN

- 1.1 All telephone conversations made between the Bank's personnel and the Applicant may be recorded and all electronic communications and electronic transmissions between the Bank and the Applicant may be kept and stored for evidentiary purposes. All transactions approved or confirmed by the Applicant (whether verbally, electronically or otherwise) is conclusive and binding on the Applicant.

Semua perbualan telefon antara kakitangan Bank dan Pemohon boleh dirakamkan dan semua komunikasi elektronik dan transmisi elektronik antara Bank dan Pemohon boleh disimpan dan diarkibkan bagi tujuan keterangan. Semua transaksi yang diluluskan atau disahkan oleh Pemohon (sama ada secara lisan, elektronik atau selainnya) adalah konklusif dan mengikat Pemohon.

- 1.2 Definitions / Takrifan:-

"Applicant's Account" means the account from which the Bank or CIMB Islamic is allowed to debit or cause to be debited the monthly instalments and other charges related to the Facility.

"Akaun Pemohon" bermaksud akaun di mana Bank atau CIMB Islamic dibenarkan untuk mendebit atau menyebabkan didebit ansuran bulanan dan caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan.

"calendar days" means any day in the Gregorian calendar month, including weekends and public holidays.

"hari kalendar" bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalendar Gregorian, termasuk hujung minggu dan cuti awam.

2. INTEREST / FAEDAH

- 2.1 The Applicant will pay interest on the Facility at the fixed rate stated in the Bank's disbursement notice letter to the Applicant ("the Disbursement Notice"). The effective interest rate is calculated on a daily balance basis on the outstanding amount of the Facility (comprising of the outstanding principal and any overdue interest) and charged to the Facility account at the end of each calendar month ("Effective Interest Rate"). The Disbursement Notice is a computer-generated notice and not signed but is deemed to be issued by the Bank and is to be read together with and forms part of these Terms.

Pemohon akan membayar faedah ke atas Kemudahan pada kadar faedah tetap yang dinyatakan dalam surat notis pengeluaran penuh Bank kepada Pemohon ("Notis Pengeluaran Penuh"). Kadar faedah efektif adalah dikira atas dasar baki harian ke atas jumlah tertunggak Kemudahan (terdiri daripada prinsipal tertunggak dan sebarang faedah tertunggak) dan dicaj kepada akaun Kemudahan pada akhir setiap bulan kalendar ("Kadar Faedah Efektif"). Notis Pengeluaran Penuh adalah notis yang dijana oleh komputer dan tidak ditandatangani tetapi dianggap sebagai dikeluarkan oleh Bank dan dibaca bersama-sama dengan dan membentuk sebahagian daripada Terma-Terma ini.

- 2.2 The Bank may vary the interest rate in accordance with Clause 17. If the interest rate is varied, the instalment amount will also be varied unless the Applicant request otherwise.

Bank boleh mengubah kadar faedah menurut Klausula 17. Jika kadar faedah diubah, jumlah ansuran juga akan diubah melainkan diminta sebaliknya oleh Pemohon.

3. REPAYMENT / BAYARAN BALIK

- 3.1 The Applicant agrees to repay the Facility and the interest charged by monthly instalments, with the amount of each instalment, the number of instalments and tenure agreed upon with the Bank and as stated in the Disbursement Notice. For this purpose, the Applicant authorises the Bank to debit the Applicant's Account for amounts owing to the Bank.

Pemohon hendaklah membayar balik Kemudahan dan faedah yang dikenakan bagi ansuran bulanan, dengan jumlah setiap ansuran, bilangan ansuran dan tempoh dipersetujui dengan Bank dan seperti yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Penuh. Sebarang amaun yang telah dilepaskan menjadi terhutang serta merta dan kena dibayar semula kepada Bank berserta dengan faedah dan semua caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan. Untuk tujuan ini, Pemohon memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Pengkreditan bagi sebarang amaun yang terhutang kepada Bank.

- 3.2 All payments to the Bank must be made without any set-off or any deduction of any taxes payable or withholding of any description. If the law requires any such deduction, the Applicant shall increase the payment to the Bank so that the net amount received by the Bank is equal to the full amount which the Bank would have received if no such deductions were needed to be made.

Semua bayaran kepada Bank hendaklah dilakukan tanpa sebarang tolakan atau sebarang potongan apa-apa cukai yang perlu dibayar atau penangguhan sebarang jenisnya. Jika undang-undang menghendaki sebarang potongan tersebut, Pemohon hendaklah menambah bayaran kepada Bank supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan jumlah penuh yang akan diterima oleh Bank jika potongan tersebut tidak perlu dilakukan.

- 3.3 The first monthly instalment is payable on the fourth day of the calendar month after the date of full disbursement of the Facility or on such other date as the Bank may notify the Applicant. Subsequent monthly instalments must be paid on the fourth day of each calendar month thereafter.

Ansuran bulanan pertama perlu dibayar pada hari keempat dalam bulan kalendar selepas tarikh pelepasan penuh Kemudahan atau pada sebarang tarikh lain seperti yang Bank boleh maklumkan kepada Pemohon. Ansuran bulanan selepasnya hendaklah dibayar pada hari keempat setiap bulan kalendar selepas itu.

- 3.4 The Applicant irrevocably authorises and instructs the Bank or CIMB Islamic, as the case may be, to debit from the Applicant's Account the

monthly instalment and all other charges related to the Facility. If the Applicant's Account is an account with CIMB Islamic, the Bank shall notify CIMB Islamic of the Applicant's authorization and instruction to debit the said account. The direct debit shall be subject to the following terms and conditions:-

Pemohon secara tidak boleh batal memberi kuasa dan mengarah Bank atau CIMB Islamic, mengikut mana yang berkenaan, untuk mendebitkan daripada Akaun Pemohon ansuran bulanan dan semua caj lain berkaitan dengan Kemudahan. Jika Akaun Pemohon adalah akaun dengan CIMB Islamic, Bank hendaklah memaklumkan kepada CIMB Islamic tentang kebenaran dan arahan Pemohon untuk mendebitkan akaun tersebut. Debit terus hendaklah tertakluk kepada Terma-Terma dan syarat-syarat berikut:-

- (i) The Applicant must make sure that sufficient funds are kept in the Applicant's Account to meet the instalment payment. If the Applicant's Account is a current account, the Applicant must also make sure he has enough funds in the Applicant's Account to honour cheques deposited for payment after the instalment payments are debited from his account. The Applicant acknowledges that the Bank and/or CIMB Islamic will not be liable for defamation and/or for breach of contract and/or for any losses, damages, expenses, costs or charges whatsoever arising from remarks made on the returned cheque(s) by the Bank and/or CIMB Islamic, as the case may be, and/or on the grounds that cheque(s) issued under the Applicant's Accounts was returned due to insufficient funds as a result of the Bank debiting the Applicant's Account pursuant to this authorization/ instruction. The Bank and/or CIMB Islamic may levy a charge on all standing instructions on due dates, which charge may not be refunded even if the instruction cannot be carried out due to insufficient funds.

Pemohon mesti memastikan bahawa dana yang mencukupi disimpan dalam Akaun Pemohon untuk menjelaskan bayaran ansuran. Jika Akaun Pemohon adalah akaun semasa, Pemohon juga hendaklah memastikan bahawa beliau mempunyai dana yang mencukupi dalam Akaun Pemohon untuk melunaskan cek-cek yang didepositkan untuk bayaran selepas bayaran ansuran didebitkan dari akaunnya. Pemohon mengakui bahawa Bank dan/atau CIMB Islamic tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau untuk kemungkiran kontrak dan/atau untuk sebarang kerugian, kerosakan, perbelanjaan, kos atau caj apa jua yang mungkin timbul daripada kenyataan yang dilakukan ke atas cek-cek yang dikembalikan oleh Bank dan/atau CIMB Islamic, mengikut mana yang berkenaan, dan/atau atas alasan bahawa cek-cek yang dikeluarkan di bawah Akaun Pemohon telah dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi akibat Bank mendebitkan Akaun Pemohon menurut kebenaran/ arahan ini. Bank dan/atau CIMB Islamic boleh melevikan caj ke atas semua arahan tetap pada tarikh matang bayaran, di mana caj mungkin tidak akan dikembalikan meskipun jika arahan tidak dilaksanakan akibat dana yang tidak mencukupi.

- (ii) Although the Bank and/or CIMB Islamic will try to effect such monthly payment, the Bank and/or CIMB Islamic will not be held liable if the Bank and/or CIMB Islamic is unable to effect such monthly payment or to follow such instruction due to reasons which are not attributable to the Bank and/or CIMB Islamic or which are beyond the Bank's and/or CIMB Islamic's reasonable control or by virtue of any of the Bank's and/or CIMB Islamic's operational and/or system errors or malfunction unless due to the Bank and/or CIMB Islamic's gross negligence or wilful default.

Meskipun Bank dan/atau CIMB Islamic akan berusaha untuk melaksanakan bayaran bulanan tersebut, Bank dan/atau CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab jika Bank dan/atau CIMB Islamic tidak dapat melaksanakan bayaran bulanan tersebut atau mematuhi arahan tersebut atas sebab yang tidak berpunca daripada Bank dan/atau CIMB Islamic atau yang berada di luar kawalan munasabah Bank dan/atau CIMB Islamic atau oleh sebab sebarang kesilapan atau malfungsi operasi dan/atau sistem Bank dan/atau CIMB Islamic melainkan disebabkan kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank dan/atau CIMB Islamic.

- (iii) This authorization is subject to whatever arrangement which is subsisting now or later between the Applicant and the Bank and/ or CIMB Islamic. Alterations and modifications of the authorization can be given by the Applicant by notice in writing and delivered to the Bank two (2) weeks in advance.

Kepercayaan ini adalah tertakluk kepada sebarang perkiraan yang wujud kini atau kemudiannya antara Pemohon dan Bank dan/ atau CIMB Islamic. Perubahan dan pengubahsuaian kebenaran boleh diberikan oleh Pemohon melalui notis bertulis dan dihantar kepada Bank dua (2) minggu terdahulu.

- (iv) The Bank and/or CIMB Islamic may determine the order of priority of payment by it of any money pursuant to this authorization or any order or cheque which has been or may be hereafter given by the Applicant to the Bank and/or CIMB Islamic or drawn to the Applicant's Account.
Bank dan/atau CIMB Islamic boleh memutuskan turutan keutamaan bayaran olehnya sebarang wang menurut kebenaran ini atau sebarang arahan atau cek yang telah atau mungkin selepas ini diberikan oleh Pemohon kepada Bank dan/atau CIMB Islamic atau yang dikeluarkan daripada Akaun Pemohon.
- (v) If the full instalment payment cannot be made because there is not enough funds in the Applicant's Account, the Bank may debit the amount available and thereafter try again to debit the Applicant's Account for the remaining instalment sum.
Jika bayaran ansuran penuh tidak dapat dilakukan kerana dana yang tidak mencukupi dalam Akaun Pemohon, Bank boleh mendebitkan jumlah sedia ada dan selepas ini cuba semula mendebitkan Akaun Pemohon bagi baki jumlah ansuran.
- (vi) In consideration of the Bank and/or CIMB Islamic arranging for this authorization, the Applicant shall indemnify the Bank and/ or CIMB Islamic against all or any claims, demands, losses, damages, costs, charges and/or expenses which the Bank and/or CIMB Islamic may incur or sustain by carrying out the Applicant's instructions unless caused directly by the Bank and/ or CIMB Islamic's gross negligence or wilful default.
Sebagai balasan bagi Bank dan/atau CIMB Islamic mengatur kebenaran ini, Pemohon hendaklah menanggung rugi Bank dan/ atau CIMB Islamic terhadap semua atau sebarang tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan/atau perbelanjaan di mana Bank dan/atau CIMB Islamic boleh tanggung atau alami dengan melaksanakan arahan Pemohon melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank dan/atau CIMB Islamic.
- (vii) The Bank and/or CIMB Islamic may, at its absolute discretion, cancel authorization for future payments by giving at least twentyone (21) calendar days' prior written notice to the Applicant.
Bank dan/atau CIMB Islamic boleh, berdasarkan budi bicara mutlak, menamatkan kebenaran bagi bayaran masa depan dengan memberikan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon.
- (viii) This authorization will remain effective for the protection of the Bank and/or CIMB Islamic in respect of payments made in good faith notwithstanding the Applicant's death or bankruptcy until notice of the Applicant's death or bankruptcy is received by the Bank.
Kebeneran ini akan terus berkuatkuasa untuk perlindungan Bank dan/atau CIMB Islamic berkenaan dengan bayaran yang dibuat dalam niat baik walaupun kematian atau kebangkrapan Pemohon sehingga notis kematian atau kebangkrapan Pemohon diterima oleh Bank.
- (ix) Loan payments are accepted without prejudice to any recovery action, pending or contemplated, for the full outstanding amount(s).
Bayaran pinjaman diterima tanpa prejudis kepada sebarang tindakan pemulihan, belum selesai atau yang dipertimbangkan, untuk jumlah tertunggak penuh.
- 3.5 Payments received from the Applicant will be used, firstly to settle instalments in arrears before any fees and charges payable under this Facility. If any amount recovered in enforcement is less than the amount then due, the Bank shall apply that amount in such proportions and order of priority and generally in such manner as it may determine subject to compliance with any rules and guidelines issued by Bank Negara Malaysia from time to time.
Bayaran yang diterima daripada Pemohon akan digunakan, pertama sekali untuk menjelaskan ansuran tertunggak sebelum sebarang fi dan caj yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini. Jika sebarang jumlah yang didapati kembali semasa penguatkuasaan adalah kurang daripada jumlah yang kena dibayar pada masa itu, Bank akan menggunakan jumlah tersebut menurut perkadaran dan turutan keutamaan dan secara amnya menurut cara seperti yang ia boleh tentukan tertakluk kepada kepatuhan kepada mana-mana peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- 3.6 The Applicant shall make arrangements to make timely repayments of the Facility even if the Applicant is out of Malaysia.
Pemohon hendaklah membuat perkiraan untuk membayar balik Kemudahan tepat pada masanya meskipun jika Pemohon berada di luar Malaysia.

4. PREPAYMENT/EARLY SETTLEMENT / PRA-PEMBAYARAN/ PENYELESAIAN AWAL

- 4.1 Subject to Clause 4.3, the Applicant may also early settle part of the Facility provided the amount settled:-
Tertakluk kepada Klausula 4.3, Pemohon juga boleh menyelesaikan secara awal sebahagian Kemudahan dengan syarat jumlah yang diselesaikan:-
- (i) is in multiples of not less than six (6) times the amount of the instalment;
adalah dalam gandaan yang tidak kurang daripada enam (6) kali ganda jumlah ansuran;
 - (ii) is applied towards the amounts due in the inverse order of maturity; and
digunakan untuk membayar jumlah kena dibayar menurut turutan kematangan songsang; dan
 - (iii) shall not affect the Applicant's obligation to pay promptly the subsequent instalments and is without prejudice to the Applicant's obligation to pay all amounts due under the Facility.
tidak akan menjejaskan obligasi Pemohon untuk membayar ansuran seterusnya dengan segera dan adalah tanpa prejudis terhadap obligasi Pemohon untuk membayar semua jumlah yang kena dibayar di bawah Kemudahan.

Any amount settled shall not subsequently be available for re-drawing. Such early settlement in respect of part of the Facility will not be subject to any early settlement fee.

Sebarang jumlah yang diselesaikan tidak akan selepas ini didapati untuk pengeluaran semula. Penyelesaian awal sedemikian berkenaan dengan sebahagian Kemudahan tidak akan tertakluk kepada sebarang fi penyelesaian awal.

- 4.2 Subject to Clause 4.3, the Applicant may also early settle the full Facility before the end of the financing tenure.
Tertakluk kepada Klausula 4.3, Pemohon juga boleh menyelesaikan secara awal Kemudahan dengan sepenuhnya sebelum tamat tempoh pembiayaan.

- 4.3 The Applicant shall give to the Bank one (1) month prior notice in writing if the Applicant wishes to early settle part of or fully the Facility, failing which such additional payment shall be treated as payment of advance instalments and not applied towards the reduction of the Facility amount outstanding. The Bank shall not pay any interest on amounts which have been treated as advance instalments.
Pemohon hendaklah memberikan kepada Bank notis bertulis terdahulu satu (1) bulan jika Pemohon berhasrat menyelesaikan secara awal sebahagian atau sepenuhnya Kemudahan, jika tidak bayaran tambahan sedemikian akan dianggap sebagai bayaran ansuran secara terdahulu dan tidak digunakan terhadap pengurangan jumlah Kemudahan yang belum dijelaskan. Bank tidak akan membayar sebarang faedah ke atas jumlah yang dianggap sebagai ansuran terdahulu.

5. DEFAULT INTEREST / FAEDAH INKGAR

- 5.1 If there is any overdue and/or late payment of the monthly instalment, in addition to the interest payable under Clause 2, the default interest of 1% per annum on the overdue principal and interest amount will be charged to the Facility account.
Jika terdapat sebarang pembayaran tertunggak dan/atau lewat ansuran bulanan, di samping faedah yang perlu dibayar di bawah Klausula 2, faedah ingkar pada kadar 1% setahun ke atas prinsipal tertunggak dan jumlah faedah akan dicaj kepada akaun Kemudahan.
- 5.2 The default interest rate for late payment in accordance to Clause 5.1 will be calculated on a daily balance basis from the due date until it is fully paid. The Bank will give prior written notice of any change in the default interest rate for late payment.
Kadar faedah ingkar untuk pembayaran lewat menurut Klausula 5.1 akan dikira atas dasar baki harian daripada tarikh matang sehingga tarikh ianya dibayar sepenuhnya. Bank akan memberikan notis bertulis terdahulu berkenaan sebarang perubahan dalam kadar faedah ingkar untuk pembayaran lewat.
- 5.3 Default interest is chargeable before and after judgment on a daily basis and charged to the Facility account monthly even after the banker and customer relationship has been terminated.
Faedah ingkar akan terakru sebelum dan selepas penghakiman atas dasar harian dan dicaj kepada akaun Kemudahan setiap bulan meskipun hubungan jurubank dan pelanggan telah tamat.

6. EVENTS OF DEFAULT / KEJADIAN INKGAR

- 6.1 The availability (and continuing availability) of the Facility is subject to it not becoming unlawful or impracticable for the Bank to continue to

make available the Facility and there not having occurred any of the following Event of Default:-

Ketersediaan (dan ketersediaan berterusan) Kemudahan adalah tertakluk kepada syarat bahawa ia tidak menjadi menyalahi undangundang atau tidak praktik bagi Bank untuk terus menyediakan Kemudahan dan mana-mana Kejadian Ingkar berikut tidak berlaku:-

- (a) the Applicant fails to pay the Facility and/or any money payable under these Terms or the Facility when due, whether formally demanded or not;
Pemohon gagal membayar Kemudahan dan/atau sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Terma-Terma ini atau Kemudahan apabila kena dibayar, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
- (b) the Applicant commits or threaten to commit a default or breach of any of its obligations contained in these Terms or other documents pertaining to the Facility;
Pemohon melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran atau kemungkiran sebarang obligasinya yang terkandung dalam Terma-Terma ini atau dokumen lain berhubung dengan Kemudahan;
- (c) any representation or warranty of the Applicant, these Terms or any documents pertaining to the Facility is proven to be untrue or incorrect as of the date at which it was made or deemed to have been made;
sebarang representasi atau waranti Pemohon, Terma-Terma ini atau sebarang dokumen herhubung dengan Kemudahan terbukti tidak benar atau tidak tepat pada tarikh apabila ia dibuat atau dianggap dibuat;
- (d) if bankruptcy proceedings are instituted against the Applicant;
jika prosiding kebangkrutan dimulakan terhadap Pemohon;
- (e) if the Applicant enters into a voluntary arrangement with its creditor(s);
jika Pemohon memasuki perkiraan sukarela dengan pemiutangnya;
- (f) any indebtedness of the Applicant is not paid when it becomes due or if the Applicant defaults on any payment obligation anywhere for any banking, financing, loan, any other credit facilities or any other account(s) current or otherwise ("the account(s)") or in any other manner whatsoever including but not limited to liability of the Applicant incurred to the Bank as surety(ies) or guarantor(s) or if default is made in relation to any provisions governing the account(s);
sebarang keberhutangan Pemohon tidak dibayar apabila ia menjadi kena dibayar atau jika Pemohon memungkiri bayaran kepada Bank di mana jua terhadap sebarang kemudahan perbankan, pembiayaan, pinjaman, sebarang kemudahan kredit lain atau sebarang akaun lain semasa atau sebaliknya ("akaun") atau dalam sebarang cara lain pun jua termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti Pemohon yang ditanggung oleh Bank sebagai penjamin atau jika keingkaran dilakukan berhubung dengan sebarang peruntukan yang mengawal akaun;
- (g) the Applicant has furnished false, inaccurate or incomplete information or data to the Bank;
Pemohon telah memberikan maklumat atau data palsu ataupun tidak benar kepada Bank;
- (h) in the opinion of the Bank or CIMB Islamic Bank Berhad, any of the Applicant's account(s) with the Bank is or has not been operated satisfactorily or has suspicious or abnormal transactions;
pada pendapat Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad, manamana akaun Pemohon dengan Bank kini atau sejak dulu tidak dikendalikan dengan memuaskan atau mencurigakan atau tidak normal;
- (i) if there are material changes to the financial condition of the Applicant;
jika terdapat sebarang perubahan material kepada keadaan kewangan Pemohon;
- (j) the Applicant dies or becomes insane;
Pemohon mati atau menjadi tidak waras;
- (k) a distress or execution is levied or enforced upon any of the Applicant's properties or a trustee, or similar official is appointed over all or a substantial part of his assets;
distres atau pelaksanaan dilevikan atau dikuatkuasakan terhadap mana-mana harta Pemohon atau pemegang amanah atau pegawai serupa dilantik terhadap semua atau sebahagian besar asetnya;
- (l) the Applicant ceases or threatens to cease carrying on his business or transfers or disposes or intends to transfer or dispose of a substantial part of his assets;
Pemohon berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaannya atau memindahkan atau melupuskan atau berhasrat untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar daripada asetnya;
- (m) the Applicant claims that all or a material part of these Terms cease to be of full force or effect;

Pemohon mendakwa bahawa semua atau sebahagian penting daripada Terma-Terma ini tidak lagi berkuat kuasa atau berkesan sepenuhnya;

- (n) any of the Applicant's current accounts is closed by any bank following the requirements of the applicable regulations from time to time governing dishonoured cheques and/or the policies of the said bank maintaining such current accounts, notwithstanding that his current account(s) with the Bank, whether held solely or jointly with others, has been conducted satisfactorily;
sebarang akaun semasa Pemohon ditutup oleh mana-mana bank berikutan keperluan peraturan yang terpakai dari semasa ke semasa yang mengawal cek tak dilayan dan/atau dasar bank tersebut yang mengendalikan akaun semasa, tidak kira sama ada akaun semasanya dengan Bank, sama ada dipegang secara tunggal atau bersama dengan orang lain, telah dikendalikan dengan memuaskan;
- (o) there is a breach of any of the provisions contained in the Financial Services Act 2013 or any prevailing laws or regulatory requirements or directives or guidelines issued or which may from time to time be issued or amended by Bank Negara Malaysia pertaining to the grant of this Facility generally or to persons connected with the Bank; or
terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau mana-mana undang-undang semasa atau keperluan atau arahan atau garis panduan kawal selia yang dikeluarkan atau boleh dari semasa ke semasa dikeluarkan atau dipinda oleh Bank Negara Malaysia berkenaan dengan pemberian Kemudahan ini secara amnya atau kepada orang yang berkaitan dengan Bank; atau
- (p) an event or circumstance occurs which affects the Bank's decision in granting or proceeding with disbursement of the Facility.
suatu peristiwa atau keadaan berlaku yang memberi kesan kepada keputusan Bank dalam memberikan atau meneruskan pengeluaran Kemudahan itu.

6.2 If any Event of Default occurs, the Bank may by giving seven (7) calendar days' notice to the Applicant declare that the Facility or any part thereof which remains unreleased be suspended or terminated and demand that the outstanding Facility amount together with the interest thereon and all other monies payable to the Bank under the Facility be repaid after seven (7) calendar days from the Bank's said notice.

Sekiranya mana-mana Kejadian Ingkar berlaku, Bank boleh dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemohon mengisytiharkan bahawa Kemudahan atau mana-mana bahagian daripadanya yang masih belum dilepaskan adalah digantung atau ditamatkan dan menuntut jumlah Kemudahan yang belum dijelaskan bersama-sama dengan faedah ke atasnya dan semua wang lain yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Kemudahan dibayar balik selepas tujuh (7) hari kalendar dari tarikh notis Bank tersebut.

7. COMBINATION OR CONSOLIDATION OF ACCOUNTS AND/OR SET-OFF / PENGAGBUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN DAN/ATAU TOLAKAN

7.1 The Bank may, by giving the Applicant seven (7) calendar days prior notice, combine or consolidate all or any of the Applicant's accounts with the Bank wheresoever located and whether in Ringgit Malaysia or in any other currency and/or set-off or transfer any sum standing to the credit of any such accounts including accounts held jointly with others in or towards the satisfaction of any of the indebtedness of the Applicant. Before the Bank effects the set off, the Bank may withhold and/or suspend the payment of monies from any such accounts.
Bank boleh, dengan memberi kepada Pemohon notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau manamana akaun Pemohon dengan Bank tidak kira di mana letaknya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam sebarang mata wang lain dan/atau menolak atau memindahkan sebarang jumlah yang kredit dalam mana-mana akaun tersebut termasuk akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain atau untuk menjelaskan sebarang keberhutangan Pemohon. Sebelum Bank melakukan tolakan, Bank boleh menahan dan/atau menggantung bayaran wang daripada mana-mana akaun tersebut.

8. DISCLOSURE OF INFORMATION / PENDEDAHAN MAKLUMAT

8.1 The Applicant hereby agrees, consents to and authorizes the Bank to disclose any information relating to the Applicant, the application or these Terms, and/or the Applicant's affairs and/or accounts maintained by the Applicant with the Bank to:

Pemohon bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Pemohon, permohonan atau Terma-terma ini, dan/atau hal ehwal Pemohon

dan/atau akaun-akaun yang dikekalkan oleh Pemohon dengan Bank untuk:

- (a) any of the Bank's agents, service providers, auditors, legal counsel and/or professional advisors in or outside Malaysia; *mana-mana ejen Bank, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat-penasihat profesional yang lain di dalam atau luar Malaysia;*
- (b) the credit bureau established by Bank Negara Malaysia or other relevant authorities to whom the Bank is required to make disclosure or have jurisdiction over the Bank; *biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa berkenaan lain yang mana Bank dikehendaki untuk membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;*
- (c) any financial institutions with which the Applicant has or proposes to have dealings; *mana-mana institusi kewangan yang mana Pemohon mempunyai atau bercadang mempunyai urusan;*
- (d) any credit reporting agencies registered under the Credit Reporting Agencies Act 2010 including but not limited to CTOS, FIS and for any of these credit reporting agencies to disclose the Applicant's credit information to its subscribers for purpose of fraud detection and fraud prevention; *mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 termasuk tetapi tidak terhad kepada CTOS, FIS dan bagi mana-mana agensi pelaporan kredit ini untuk mendedahkan maklumat kredit Pemohon kepada pelanggannya bagi tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan;*
- (e) any person who is assisting the Bank in recovering any monies due from the Applicant (including but not limited to debt collection agencies, its employees and agents), *mana-mana orang yang membantu Bank mendapatkan semula apa-apa wang yang perlu dibayar daripada Pemohon (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pengutipan hutang, pekerja dan ejennya),*
- (f) entities within the corporate group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank's ultimate holding company ("Group Companies") whether such Group Companies are residing, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia; and/or *entity-entiti dalam Kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk utama Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat tersebut bermastautin, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia; dan/ atau*
- (g) any third parties making enquiries with a view to entering into prospective transaction with the Bank; *mana-mana pihak ketiga yang membuat pertanyaan dengan tujuan untuk membuat transaksi prospektif dengan Bank*

for facilitating the business, operations, provision of the financial product/facilities and performance of the contract, services of or granted or provided by the Bank and/or the Group Companies to their customers, as well as to:

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk/ Kemudahan kewangan dan prestasi kontrak, perkhidmatan atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada pelanggan mereka, serta:

- (aa) any tribunal, courts, governmental agencies or bodies or other relevant authorities to whom the Bank is required to make disclosures or have jurisdiction over the Bank whether in or outside Malaysia in order to comply with any order, demand, request or reporting requirement or for the purposes of litigation or potential litigation involving the Bank as and when required or requested to do so from time to time and at time; *mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, tuntutan, permohonan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada masa;*
- (bb) any company and/or organisation that assist or facilitate the processing and/or fulfillment of transactions or instructions that the Applicant has requested and/or given to the Bank;

mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang telah diminta oleh Pemohon dan/atau diberikan kepada Bank;

- (cc) any potential transferee or assignee with whom the Bank is negotiating the transfer, assignment and novation of the rights or obligations under the Facility; and *mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau kewajipan di bawah Kemudahan; dan*
- (dd) such third parties and for the purpose(s) as identified in the CIMB Group Privacy Notice under the heading of 'Disclosure of Your Personal Information' and 'How We Use Your Personal Information' respectively.

pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan-tujuan seperti yang tertera dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

The Applicant agrees that the consent given above cannot be withdrawn where such disclosure of the Applicant's information is necessary for the provision of the Facility and/or related services or the performance of the contract with the Applicant to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements.

Pemohon bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pemohon adalah perlu untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemohon untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang

- 8.2 Disclosure by the Bank to Group Companies (within Malaysia) may also be for cross-selling purposes of the Bank and/or the Group Companies provided **disclosure for cross selling purposes shall not be effected if such disclosure is objected to by the Applicant,**

*Pendedahan daripada Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) boleh juga bagi jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat sentiasa bahawa **pendedahan bagi tujuan jualan silang tidak boleh dilakukan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh Pemohon.***

The Bank may also disclose the Applicant's information such as name and contact details (excluding the Applicant's affairs or account) to third party business partners and strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes if the consent from the Applicant has been obtained.

Bank juga boleh mendedahkan maklumat pemohon seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun Pemohon) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi strategic untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada Pemohon telah diperolehi.

However, the Applicant may at any time revoke or withdraw the above mentioned consent to disclosure of information by the Bank to Group Companies (within Malaysia) and to third party business partners and strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes by contacting the Bank at the following telephone number or address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to the Applicant): Customer Resolution Unit (CRU). P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mail: contactus@cimb.com.

Walaupun bagaimanapun, Pemohon boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang dinyatakan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategic untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi pihak Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemohon): Unit Resolusi Pelanggan P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.

- 8.3 The Bank, its officers and agents shall under no circumstances whatsoever be liable for providing information which is wrong or incomplete or delaying or not providing information whether before on or after the date of these Terms unless the Bank is proven to be grossly negligent or have committed a wilful default.

Bank, pegawai-pegawai dan ejen-ejennya tidak akan dalam apa jua keadaan sekalipun menanggung liabiliti dalam memberikan maklumat yang salah atau tidak lengkap atau melewati atau tidak memberikan maklumat sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma-Terma ini melainkan Bank dibuktikan melakukan kecuaiian melampau atau telah melakukan keingkaran sengaja.

9. INDEMNITY / TANGGUNG RUGI

- 9.1 The Applicant shall pay all fees and expenses, solicitors' fee (on a solicitor and client basis) and costs incurred by the Bank in relation to the Bank's enforcement of its rights under the Facility. The Applicant also agrees to indemnify the Bank and hold the Bank harmless from and against any payments, losses, costs, charges or expenses whatsoever, legal or otherwise, which the Bank may sustain, suffer or incur due to the Bank granting the Facility to the Applicant or due to any default by the Applicant unless due directly to the Bank's gross negligence or wilful default.

Pemohon hendaklah membayar semua fi dan perbelanjaan, fi peguamcara (atas dasar peguamcara dan anakguam) dan kos yang ditanggung oleh Bank Berkaitan dengan penguatkuasaan hak-haknya di bawah Kemudahan. Pemohon juga bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan daripada dan terhadap sebarang bayaran, kerugian, kos, caj atau perbelanjaan apa jua, guaman atau sebaliknya, yang Bank mungkin alami atau tanggung disebabkan Bank memberikan Kemudahan kepada Pemohon atau akibat sebarang keingkaran oleh Pemohon melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

10. CHANGE IN ADDRESS OR PERSONAL DETAILS / PERUBAHAN ALAMAT ATAU MAKLUMAT PERIBADI

- 10.1 The Applicant must promptly notify the Bank in writing of any changes of the Applicant's (i) address(es), (ii) email address(es), (iii) telephone number(s) and/or (iv) other particulars recorded with the Bank. It is important for the Applicant to promptly notify the Bank of any changes to the abovementioned details in order to ensure that the Bank has the latest updated information of the Applicant and to ensure that all notices and/or communications reach the Applicant in a timely manner.

Pemohon hendaklah memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan (i) alamat pemohon, (ii) alamat e-mel, (iii) nombor telefon dan/atau (iv) butiran lain yang direkodkan dengan Bank. Ia adalah penting untuk Pemohon supaya memaklumkan Bank dengan segera tentang sebarang perubahan pada butir-butir yang disebutkan di atas untuk memastikan Bank mempunyai maklumat Pemohon yang terkini dan dikemaskini dan untuk memastikan bahawa semua notis dan/atau komunikasi sampai kepada Pemohon tepat pada masanya.

11. SUSPENSE ACCOUNT / AKAUN TERGANTUNG

- 11.1 The Bank may place any monies received from the Applicant into a non-interest bearing suspense account without having to apply such monies towards settlement of the debt owed by the Applicant. If the Bank exercises such right, it shall as soon as practicable thereafter notify the Applicant that it has done so and give the Applicant reasons for its action. Notwithstanding such payment, in the event of bankruptcy of the Applicant, the Bank may prove for and accept any dividend or composition in respect of the whole of the debt due to the Bank.

Bank boleh menempatkan sebarang wang yang diterima daripada Pemohon ke dalam akaun tergantung tanpa faedah tanpa keperluan untuk menggunakan wang tersebut terhadap penyelesaian hutang yang dihutangkan oleh Pemohon. Jika Bank menggunakan haknya, ia hendaklah secepat mungkin selepas itu memaklumkan Pemohon bahawa ia telah membuat sedemikian dan memberi Pemohon sebabsebab tindakan Bank. Meskipun bayaran tersebut, sekiranya berlaku kebangkrutan Pemohon, Bank boleh membuktikan dan menerima sebarang dividen atau komposisi berhubung dengan keseluruhan hutang yang kena dibayar kepada Bank.

12. CERTIFICATE OF INDEBTEDNESS / PERAKUAN KEBERHUTANGAN

- 12.1 Any certificate, notice or demand signed on behalf of the Bank by any officer of the Bank or any solicitor or firm of solicitor acting on behalf of the Bank shall be conclusive evidence against the Applicant (in relation to all matters stated including the amount due and owing to the Bank) for all purposes (including legal proceedings) and shall not be challenged on any account whatsoever, unless there is obvious error.

Sebarang perakuan, notis atau tuntutan yang ditandatangani bagi pihak Bank oleh mana-mana pegawai Bank atau mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang bertindak bagi pihak Bank hendaklah menjadi bukti konklusif terhadap Pemohon (berhubung dengan semua perkara yang dinyatakan dalamnya termasuk jumlah yang kena dibayar dan terutang kepada Bank) untuk semua tujuan (termasuk tujuan prosiding undang-undang) dan tidak akan dicabar atas apa jua sebab melainkan wujudnya kesilapan nyata.

13. ASSIGNMENT / PENYERAHAN HAK

- 13.1 The Bank but not the Applicant may assign its rights and liabilities under the Facility by notice to the Applicant. These Terms and any documents pertaining to the Facility shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction, or otherwise, which may be made in the constitution of the Bank.

Bank tetapi bukan Pemohon boleh menyerahkan hak dan liabilitinya di bawah Kemudahan dengan memberikan notis kepada Pemohon. Terma-Terma ini dan sebarang dokumen berhubung dengan Kemudahan akan terus menjadi sah dan mengikat bagi semua tujuan apa jua meskipun sebarang perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula, atau sebaliknya, yang boleh dilakukan dalam perlembagaan Bank.

14. TIME / MASA

- 14.1 Time wherever mentioned herein for the Applicant's performance of these Terms shall be of the essence. Time provided by law to the Bank for the recovery of all sums due to the Bank shall not start until a demand in writing for payment has been made to the Applicant.

Masa di mana jua disebut di dalam ini untuk pelaksanaan Pemohon Terma-Terma ini hendaklah menjadi perkara mustahak. Masa yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada Bank untuk mendapatkan balik semua jumlah yang kena dibayar kepada Bank tidak akan bermula sehingga tuntutan bertulis untuk bayaran telah dibuat terhadap Pemohon.

15. WAIVERS / PENEPIAN

- 15.1 No failure, omission or delay on the Bank in exercising any right, power, privilege or remedy accruing to the Bank shall be construed as a waiver or acquiescence to any default, nor shall any action by the Bank in respect of any default or any acquiescence in any default affect or impair any right, power, privilege or remedy of the Bank in respect of any other or subsequent default.

Sebarang kegagalan, ketinggalan atau kelewatan oleh Bank dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedi yang terakru kepada Bank tidak akan ditafsirkan sebagai penepian atau keakuran terhadap sebarang keingkaran, dan sebarang tindakan Bank berkenaan dengan sebarang keingkaran atau sebarang keakuran terhadap sebarang keingkaran tidak akan menjejaskan atau memudaratkan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedi Bank berhubung dengan sebarang keingkaran lain atau selepas itu.

16. CROSS DEFAULT / KEINGKARAN SILANG

- 16.1 If an Event of Default has occurred, the Bank may also cancel other facilities granted by the Bank to the Applicant and demand repayment of all sums owing under such facilities.

Jika Kejadian Ingkar telah berlaku, Bank juga boleh membatalkan kemudahan lain yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon dan menuntut bayaran balik semua jumlah yang terutang di bawah kemudahan sedemikian.

17. CHANGES / PERUBAHAN

- 17.1 The Bank may by giving at least twenty-one (21) calendar days' prior notice to the Applicant:

Bank boleh dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon:

- (a) vary the interest rate and/or default interest rate or method of calculation of service fee, fees and other charges, minimum payment due, interest and any other applicable fees, charges or levies (whether arising from the change in the Applicant's risk profile or otherwise) including the effective date of any such change; and
mengubah kadar faedah dan/atau kadar faedah ingkar atau kaedah pengiraan fi perkhidmatan, fi dan caj lain, bayaran minimum kena dibayar, faedah dan sebarang fi, caj atau levi terpakai lain (sama ada yang timbul daripada perubahan dalam profil risiko Pemohon atau sebaliknya) termasuk tarikh berkuat kuasa sebarang perubahan sedemikian; dan

- (b) vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) any of these Terms at any time and from time to time (collectively referred to as "Changes").
mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) sebarang Terma-Terma ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa (secara kolektif dirujuk sebagai "Perubahan").

Notification of the Changes can be given in the various ways set out in Clause 18.1. The Changes take effect on the date specified by the Bank in its notice.

Pemberitahuan tentang Perubahan boleh diberi dalam cara yang berbeza yang ditetapkan dalam Klausa 18.1. Perubahan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank dalam notisnya.

18. COMMUNICATION / KOMUNIKASI

- 18.1 The Bank may give notice of the Changes including the effective date of any such change:-

Bank boleh memberikan notis Perubahan termasuk tarikh berkuat kuasa sebarang perubahan tersebut:-

- (a) by dispatching the same to the Applicant by courier or hand, which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant on the date of delivery; and/or
dengan menghantarnya kepada Pemohon melalui kurier atau serahan tangan yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penghantaran; dan/atau
- (b) by posting a notice in the Bank's premises stating such changes and its effective date of change which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant on the date of posting of the notice in the Bank's premises; and/or
dengan menampal notis di premis Bank menyatakan perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penampalan notis di premis Bank; dan/atau
- (c) by way of a single publication in one or more daily newspaper of the Bank's choice of such changes and its effective date of change, which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant on the date of first publication in any daily newspaper of the Bank's choice; and/or
melalui penerbitan tunggal dalam satu atau lebih daripada satu akhbar harian pilihan Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar harian pilihan Bank; dan/atau
- (d) by posting an insertion in the Bank's statement of account of such changes and its effective date of change which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant five (5) calendar days after the date of posting of the Bank's statement of account to Applicant to the last known address of the Applicant in the Bank's record; and/or
dengan memasukkan catatan dalam penyata akaun Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon lima (5) hari kalendar selepas tarikh pengesahan penyata akaun Bank kepada Pemohon ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank; dan/atau
- (e) by posting a notice of such changes and its effective date of change to the Applicant by way of an ordinary or registered post to the last known address of the Applicant in the Bank's record which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant three (3) calendar days after the date of posting of the notice to the Applicant by ordinary or registered post; and/or
dengan mengesahkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon tiga (3) hari kalendar selepas tarikh pengesahan notis kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
- (f) by sending notice of such changes and its effective date of change by short message service ("SMS") or electronic mail to the Applicant or by posting the notice of such changes, and its effective date of change on the Bank's website which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant on the date the notice of such changes are sent by SMS or electronic mail to the Applicant or the date such notice of changes are posted to the Bank's website.
dengan menghantar notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan melalui khidmat pesanan ringkas ("SMS") atau mel elektronik kepada Pemohon atau dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut di laman web Bank yang akan dianggap diterima oleh atau

dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh apabila notis tentang perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemohon atau tarikh apabila notis tentang perubahan tersebut dipaparkan di laman web Bank.

- 18.2 All notices or communication given by the Applicant to the Bank shall be deemed to have been received by the Bank at the time of actual receipt by the Bank.

Semua notis atau komunikasi yang diberikan oleh Pemohon kepada Bank akan dianggap diterima oleh Bank pada masa penerimaan sebenar oleh Bank.

- 18.3 (a) The Bank is irrevocably authorised (but not obliged) to contact and/or send notices to the Applicant by ordinary post, hand, courier service, electronic mail, telephone, facsimile, SMS, voice recording, text or other electronic messages or any other methods as the Bank deems fit. Notices may be sent to the Applicant's address, email address or mobile phone number or other contact number or particulars on record with the Bank. Notices and/or information sent may consist of such information as the Bank deems appropriate and may include (but not be limited to) reminders sent in respect of minimum payments due, payment due dates, demand for repayment of amounts due and owing to the Bank. (if any), updates on benefits, programmes and promotions and/or other information of general interest and/or specific to the Applicant. Such service and/or delivery shall be deemed effective:-

Bank adalah secara tidak boleh batal dibenarkan (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau menghantar notis kepada Pemohon melalui pos biasa, secara tangan, perkhidmatan kurier, mel elektronik, telefon, faksimile, SMS, rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain atau sebarang cara lain seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Notis boleh dihantar ke alamat, alamat e-mel atau nombor telefon mudah alih atau nombor hubungan atau butir-butir lain Pemohon dalam rekod Bank. Notis dan/atau maklumat yang dihantar boleh mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh Bank dan boleh termasuk (tetapi tidak terhad kepada) peringatan yang dihantar berkenaan dengan bayaran minimum yang kena dibayar, tarikh matang bayaran, tuntutan untuk bayaran balik jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank (jika ada), kemas kini mengenai faedah, program dan promosi dan/atau maklumat lain berkenaan dengan kepentingan umum dan/atau khusus kepada Pemohon. Perkhidmatan dan/atau penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkesan:-

- (i) three (3) calendar days after posting to the last known address of the Applicant in the Bank's record, if sent by post; *tiga (3) hari kalendar selepas pengesahan ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank, jika dihantar melalui pos;*
- (ii) at the time of delivery, if delivered by hand or courier; *pada masa penyampaian, jika dihantar dengan tangan atau kurier;*
- (iii) at the time the notices are sent by facsimile, email or other forms of instantaneous communication (including SMS and voice recording). *pada masa notis dihantar melalui faksimile, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain (termasuk SMS dan rakaman suara).*
- 18.3 (b) The Applicant is responsible for the security and safekeeping of the information he receives and shall ensure that such notices sent by the Bank are not disclosed to or accessible by any other parties ('disclosure to third parties').
Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat yang diterima olehnya dan hendaklah memastikan bahawa notis-notis tersebut yang dihantar oleh Bank tidak didedahkan kepada atau diberi akses kepada manamana pihak lain ('pendedahan kepada pihak ketiga').
- 18.3 (c) The Bank shall not be liable to the Applicant for any loss or damage (direct, indirect, special or consequential), loss of business or profits, embarrassments, losses or damages whatsoever suffered by the Applicant arising from or occasioned by any:-
Bank tidak akan menanggung liabiliti kepada Pemohon untuk sebarang kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit), kehilangan dalam perniagaan atau keuntungan, perasaan malu, kerugian atau kerosakan dalam apa jua jenis yang ditanggung oleh Pemohon yang timbul daripada atau disebabkan oleh mana-mana:-
- (i) malfunction or defect in the transmission of information for whatever reason;

ketidaktunggalan atau kegagalan dalam penghantaran maklumat untuk sebarang sebab;

- (ii) inaccuracy, incompleteness, delay or non-delivery of any information transmitted or wrongful transmission of any information to any third party;

ketidaktepatan, ketidaklengkapan atau kelewatan atau kegagalan penghantaran sebarang maklumat yang dihantar atau kesalahan penghantaran sebarang maklumat kepada mana-mana pihak ketiga;

- (iii) wrongful, unauthorised or improper access to, use or interpretation of the information transmitted; and *pengaksesan, penggunaan atau pentafsiran maklumat yang dihantar dengan tidak tepat, tanpa kebenaran, atau tidak wajar; dan*

- (iv) claim for libel or slander arising from the transmission of any information, unless caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default. Notices may be sent in Bahasa Malaysia, English or any other languages determined by the Bank.

tuntutan libel atau fitnah yang timbul daripada penghantaran sebarang maklumat, melainkan timbul secara langsung oleh kecuaihan melampau atau keingkaran sengaja Bank. Notis boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Inggeris atau sebarang bahasa lain yang ditentukan oleh Bank.

- 18.4 Without affecting the terms mentioned above, the Applicant acknowledges and agrees that the Applicant's email address will be used by the Bank as the primary method for delivery of documents and correspondence including but not limited to e-statement, redemption or settlement letter, post disbursement letter, post Product Disclosure Sheet relating to the Facility. Nevertheless the Applicant may request for a hard copy of any these documents and correspondence.

Tanpa mempengaruhi terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa alamat emel Pemohon akan digunakan oleh pihak Bank sebagai kaedah utama untuk penghantaran dokumen-dokumen dan surat-menyurat termasuk tetapi tidak terhad kepada e-penyata, surat penebusan atau penyelesaian, surat pengeluaran penuh, Lembaran Pendedahan Produk yang berkaitan dengan Kemudahan. Walau bagaimanapun, Pemohon boleh meminta salinan fizikal bagi mana-mana dokumen dan surat-menyurat ini.

19. SERVICE OF DOCUMENT OR COURT PROCESS / PENYAMPAIAN DOKUMEN ATAU PROSES MAHKAMAH

- 19.1 Any court process or delivery of cheque, bank draft, cashier's order or any other document or item may be sent to the Applicant by ordinary post or by hand or by courier service to the last known address of the Applicant in the Bank's record and such service and/or delivery shall be deemed effective three (3) calendar days after posting, if sent by post and at the time of delivery, if delivered by hand or courier. Service of court process may also be affected in any other manner permitted by the law.

Sebarang proses mahkamah atau penghantaran cek, draf bank, perintah juruwang atau sebarang dokumen atau barangan lain boleh dihantar kepada Pemohon melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank dan penyampaian dan/atau penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkesan tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan, jika dihantar melalui pos dan pada masa penyerahan, jika diserahkan melalui serahan tangan atau kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan dalam sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

20. RIGHT TO OUTSOURCE DEBT COLLECTION / HAK UNTUK MENYUMBER LUAR PUNGUTAN HUTANG

- 20.1 The Bank may also, at its sole discretion as and when it deems necessary, appoint an agent of its choice to collect monies due to the Bank from the Applicant under these Terms. Such appointment must be made known to the Applicant at least seven (7) calendar days in advance if such collection is outsourced to a third party debt collection agency. The Bank will inform the Applicant the impact on the Applicant's rights and obligations after the account has been transferred to a third party debt collection agency or sold to a third party. If the Applicant is not contactable, the Bank is considered to have fulfilled the obligation if such notice has been sent to the last known address of the Applicant at least seven (7) calendar days in advance. The Bank shall provide the Applicant with the name and contact details of the appointed third party debt collection agency or

the third party to whom the Bank has outsourced the collection of all and any sums due to the Bank from the Applicant. If any money is due and payable under the Facility, the Applicant agrees that the Bank may visit the Applicant at the Applicant's workplace if the Applicant does not respond to other means of communication by the Bank or cannot be contacted at any other location.

Bank juga boleh, menurut budi bicara tunggalnya dan apabila dianggapnya perlu, untuk melantik ejen pilihan untuk memungut wang yang kena dibayar kepada Bank daripada Pemohon di bawah Terma-Terma ini. Pelantikan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pemohon sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terdahulu jika pungutan tersebut akan disumber-luarkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga. Bank akan memaklumkan Pemohon tentang kesan ke atas hak dan obligasi Pemohon selepas akaun dipindahkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga atau dijual kepada pihak ketiga. Jika Pemohon tidak dapat dihubungi, Bank akan dianggap telah memenuhi obligasi ini jika notis tersebut telah dihantar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terdahulu. Bank akan memberikan kepada Pemohon nama dan butir-butir hubungan agensi pungutan hutang pihak ketiga yang dilantik atau pihak ketiga yang disumber-luar oleh Bank agar memungut semua dan mana-mana jumlah yang kena dibayar oleh Pemohon kepada Bank. Jika sebarang wang yang kena dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan, Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh melawat Pemohon di tempat kerja Pemohon sekiranya Pemohon tidak membalas cara komunikasi lain oleh Bank atau tidak boleh dihubungi di mana-mana lokasi lain.

21. COMPLAINT / ADUAN

- 21.1 For any complaint relating to these Terms and the Facility, the Applicant may contact the Bank's Customer Resolution Unit at the following address, email address and telephone numbers (or such other address, email address and telephone numbers notified to the Applicant):-

Untuk sebarang aduan tentang Terma-Terma ini dan Kemudahan, Pemohon boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan (CRU) Bank di alamat, alamat e-mel dan nombor telefon berikut (atau alamat, alamat e-mel dan nombor telefon lain yang boleh dimaklumkan kepada Pemohon):-

Customer Resolution Unit
P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788
Email : contactus@cimb.com

Unit Resolusi Pelanggan
P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788
E-mel : contactus@cimb.com

22. GOVERNING LAW / UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 22.1 These Terms shall be governed by and construed in accordance with laws of Malaysia and subject to the prevailing laws or regulatory requirements of Malaysia.

Terma-Terma ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada undang-undang atau keperluan kawal selia semasa di Malaysia.

- 22.2 The parties hereto agree to submit to the non exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

Pihak-pihak dengan ini bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

- 22.3 The rights and remedies of the Bank in these Terms are in addition to any rights or remedies available under the law.

Hak dan remedi Bank dalam Terma-Terma ini adalah tambahan kepada sebarang hak atau remedi di bawah undang-undang.

23. SEVERABILITY / KEBOLEHASINGAN

- 23.1 If any of the provisions of these Terms shall become void, illegal or unenforceable under any law, the remaining provisions shall remain valid and enforceable and shall not in any way be invalidated or rendered unenforceable.

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma-Terma ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuat kuasa di bawah sebarang undang-undang, peruntukan-peruntukan selainnya

hendaklah kekal menjadi sah dan boleh dikuat kuasa dan tidak akan dalam apa cara pun jua menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

24. PRIVACY / PRIVASI

24.1 The Applicant hereby confirms that the Applicant has read, understood and agreed to be bound by the CIMB Group Privacy Notice (which is available at www.cimb.com.my) and the clauses herein, as may relate to the processing of the Applicant's personal information. For the avoidance of doubt, the Applicant agrees that the said Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these Terms.

Pemohon dengan ini mengesahkan bahawa Pemohon telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemohon. Untuk mengelakkan keraguan, Pemohon bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai digabungkan di dalam Terma-Terma ini secara rujukan.

24.2 In the event the Applicant provides personal and financial information relating to third parties, including information relating to the Applicant's next-of-kin and dependents or information relating to the guarantors and security providers for the purpose of opening or operating the Applicant's account(s)/facility(ies) with the Bank or otherwise subscribing to the Bank's products and services, the Applicant (a) confirms that the Applicant has obtained their consent or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these Terms; (b) agrees to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; (c) agrees to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information; and (d) agrees to the Bank's right to terminate the Facility should such consent be withdrawn by any of the said third parties.

Sekiranya Pemohon memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris terdekat dan tanggungan Pemohon atau maklumat yang berhubung dengan penjamin dan penyedia sekuriti untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pemohon dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemohon (a) mengesahkan bahawa Pemohon telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-Terma ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh manamana pihak ketiga tersebut.

24.3 Where the Applicant instructs the Bank to effect any sort of crossborder transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross-border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross-border transaction on the Applicant's behalf, the Applicant agrees to the above said disclosures on behalf of the Applicant and others involved in the said cross-border transaction.

Di mana Pemohon mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemohon, Pemohon bersetuju akan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak Pemohon dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

24.4 The Bank may at any time and from time to time now and/or in the future carry out the necessary reference checks including but not

limited to credit reporting/reference checks with credit reporting/reference agencies, including but not limited to CCRIS, FIS and/or any other agencies and/or from any financial institution to enable the Bank to ascertain the Applicant's status as may be required to help make decisions, for example when the Bank needs to (a) check details on applications for credit and credit-related or other facilities; (b) manage credit and credit-related accounts or facilities, including conducting reviews of the Applicant's portfolio(s); (c) recover debts; and/or (d) any purpose related to or in connection with the account/facility under these Terms. The Applicant will be linked by credit reporting/reference agencies to any other names the Applicant uses or has used, and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Applicant and how the Applicant manages his/her account(s)/facility(ies) with relevant credit reporting/reference agencies, and for any of these credit reporting/reference agencies to disclose the Applicant's credit information to its subscribers for purposes of fraud detection and fraud prevention.

Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan laporan/rujukan kredit dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pemohon seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kemudahan kredit, berkaitan dengan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio Pemohon; (c) mendapatkan semula hutang; dan/atau (d) sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/ kemudahan di bawah Terma-Terma ini. Pemohon akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pemohon gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemohon dan bagaimana Pemohon menguruskan akaun/kemudahannya dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan, dan bagi mana-mana agensi-agensi laporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan informasi kredit Pemohon kepada pelanggan untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

24.5 Even after the Applicant has provided the Bank with any information, the Applicant will have the option to withdraw the consent given earlier, except where such disclosure of the Applicant's information is necessary for the provision of the Facility and/or related services or the performance of the contract with the Applicant to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements. Meskipun selepas Pemohon telah memberikan Bank sebarang maklumat, Pemohon masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini, kecuali di mana pendedahan maklumat Pemohon adalah perlu untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemohon untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

24.6 For the purposes of this Clause, the CIMB Group consists of CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside Malaysia, and the use of the word "the Bank" is to be read as references to the CIMB Group.

Untuk tujuan Klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan kawal selia lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.

24.7 This clause shall be without prejudice to any other clause in these Terms which provides for the disclosure of information.

Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain di dalam Terma-Terma ini yang memberikan pendedahan maklumat.

25. SUCCESSORS BOUND / PENGGANTI TERIKAT

25.1 These Terms will be binding on the personal representatives, and/or successors-in-title of the Bank and the Applicant. If the Applicant dies, the Applicant's heirs and personal representative are required

to pay the monies owing under the Facility from the assets of the estate of the deceased Applicant and no action will be taken by the Bank against the heirs and personal representative of the deceased Applicant in their personal capacity.

Terma-Terma ini hendaklah mengikat ke atas wakil peribadi dan/atau pengganti hakmilik Bank dan Pemohon. Jika Pemohon mati, waris dan wakil diri Pemohon dikehendaki untuk membayar balik wang yang terhutang di bawah Kemudahan daripada aset-aset harta pusaka Pemohon (si mati) dan tindakan tidak akan diambil oleh Bank terhadap waris dan wakil diri Pemohon (si mati) dalam kapasiti peribadi mereka.